

HYOMIDE TABLET®

Hyoscine butylbromide (10mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Hyomide
2. Bagaimana Hyomide berfungsi
3. Sebelum menggunakan Hyomide
4. Cara menggunakan Hyomide
5. Semasa menggunakan Hyomide
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Hyomide
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan Hyomide

Hyomide melegakan kesakitan, kekejangan perut dan usus untuk membantu sistem pencernaan anda. Ubat ini juga digunakan untuk melegakan kekejangan pundi hempedu dan pundi kencing.

Bagaimana Hyomide berfungsi

Hyomide dikenali sebagai ubat antikolinergik. Ia mengurangkan pengecutan otot licin dan melegakan kekejangan sesetengah organ dalam sistem pencernaan.

Doktor anda mungkin membekalkan Hyomide untuk tujuan lain.

Sebelum menggunakan Hyomide

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Hyomide jika anda alah terhadap hyoscine butylbromide atau mana-mana bahan kandungan lain yang disenaraikan di hujung risalah ini.

Beberapa simptom-simptom reaksi alahan termasuk:

- sesak nafas
- berdehit atau susah bernafas

- bengkak pada muka, bibir, lidah atau bahagian badan lain
- ruam kulit, gatal-gatal atau geligata pada kulit

Jangan mengambil Hyomide jika anda mempunyai:

- lemah otot
- tekanan tinggi dalam mata
- *porphyria* (gangguan pigmen darah yang jarang berlaku)
- denyutan jantung laju
- pembesaran prostat
- keradangan esofagus (saluran makanan) yang disebabkan oleh pengaliran balik asid perut
- pengekalan kencing
- perut atau usus tersumbat atau ulser atau dalam keadaan tertentu di mana aktiviti usus berkurangan.

Keadaan ini boleh diterangkan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan lebih baik.

Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh luput yang dicetak pada pek ini atau bungkusan koyak atau terdapat tanda dibuka.

Jika ubat ini sudah luput atau rosak, kembalikan ubat ini kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula mengambil ubat ini, sila tanya doktor anda.

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil Hyomide jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung terutamanya semasa trimester pertama.

Jangan ambil Hyomide jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau

ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

Beritahu doktor anda jika anda hamil atau bercadang untuk hamil atau menyusukan bayi.

Terdapat maklumat terhadap penggunaan Hyomide semasa kehamilan dan penyusuan.

Doktor anda akan berbincang dengan anda mengenai risiko dan manfaat mengambil ubat ini.

Sebelum mula menggunakan Hyomide

Anda perlu beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil Hyomide jika:

- Anda mempunyai masalah jantung yang lain

- Jika mengambil ubat-ubatan lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan Hyomide boleh bertindak balas satu sama lain. Ini termasuk:

- ubat yang digunakan untuk merawat atau mencegah loya dan muntah-muntah seperti metoclopramide dan domperidone
- Alkalisers termasuk antacid, carbonic anhydrase inhibitors, citrate dan sodium bicarbonate
- Anti-kulat termasuk ketoconazole
- Nitrates
- Ubat tahan sakit opioid
- ubat yang digunakan untuk merawat simptom-simptom

penyakit Parkinson seperti amantadine

- ubat yang digunakan untuk merawat alahan seperti antihistamine
- sebarang ubat lain untuk merawat masalah perut atau usus seperti cisapride

Ubat-ubat ini mungkin mempengaruhi Hyomide atau fungsinya. Anda mungkin perlu mengambil ubat anda dalam jumlah yang berlainan.

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat lain yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa anda mengambil Hyomide.

Cara menggunakan Hyomide

Telan ubat ini dengan segelas air.

- Berapa banyak harus digunakan

Ambil Hyomide seperti yang dipreskripsikan oleh doktor anda.

Doktor anda akan beritahu anda berapa biji pil yang anda perlu ambil setiap hari.

Orang dewasa dan kanak-kanak lebih daripada 12 tahun:

Dos biasa ialah 1 hingga 2 biji, 3 hingga 4 kali sehari.

Kanak-kanak 6 – 12 tahun:

Dos biasa ialah 1 biji 3 kali sehari.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Dalam kekejangan haid, rawatan perlu bermula dua hari sebelum permulaan haid yang dijangka dan berterusan selama tiga hari selepas haid telah bermula.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa.

Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal. Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan yang tidak diingini.

Jika anda sukar mengingati masa untuk mengambil pil anda, minta petua daripada ahli farmasi anda.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil Hyomide, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan rasa mengantuk, mulut kering, sukar buang air kecil, mata tidak boleh fokus, tekanan darah berkurang (pengsan) apabila bangun dari posisi berbaring atau duduk, corak pernafasan yang tidak normal dan kadar denyutan jantung laju.

Semasa menggunakan Hyomide

- Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Hyomide.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil Hyomide.

Kekejangan perut atau usus mungkin sementara atau mungkin menunjukkan masalah yang lebih serius.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil Hyomide untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Hyomide mempengaruhi anda.

Ubat ini mungkin menyebabkan pening, letih, mengantuk di kalangan sesetengah orang.

Jika anda mengalami mana-mana simptom ini, jangan memandu, mengendalikan mesin atau melakukan perkara lain yang boleh membahayakan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika kesakitan semakin teruk atau tidak pulih dalam masa 48 jam selepas mengambil ubat ini.

Jangan minum alkohol semasa mengambil Hyomide.

Alkohol mungkin meningkatkan kesan sampingan seperti rasa mengantuk.

Ubat ini boleh menjejaskan beberapa keputusan makmal.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang kebimbangan mengenai kesan mengambil ubat ini.

Jangan khuatir dengan senarai ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan berikut yang membimbangkan anda:

- mulut kering
- kadar jantung perlahan diikuti dengan kadar denyutan jantung laju
- ruam kulit
- kulit kemerahan
- sukar buang air kecil
- penglihatan kabur sementara (disebabkan mata kurang fokus)
- sembelit
- peningkatan tekanan mata
- demam
- kulit kering
- kekeliruan

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Hyomide

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam pek asalnya sehingga tiba masa untuk mengambilnya.

Jika anda mengeluarkan ubat daripada peknya, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik. Lindungi dari cahaya.

Pastikan bekas ditutup dengan ketat.

Simpan ubat anda di tempat yang dingin dan kering pada suhu bawah 30°C.

Jangan simpan Hyomide atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Jangan tinggalkan ubat di atas unjuran tapak tingkap atau dalam kereta.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

- Pelupusan

Jika doktor atau ahli farmasi anda mengarahkan anda berhenti mengambil Hyomide atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Pil berwarna putih, berbentuk bulat, cembung, bersalut filem, berdiameter 6.5mm bertanda "UP" dan bergores pada satu permukaan.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:
 - Hyoscine butylbromide
- Bahan tidak aktif:
 - Sodium starch glycolate
 - Magnesium stearate
 - Talcum
 - Microcrystalline cellulose
 - Aerosil
 - Lactose monohydrate
 - Opadry II OYL 28900 White

- Nombor MAL

MAL05101675AZ

Pengilang

Duopharma Manufacturing (Bangi) Sdn Bhd (53667-M)
Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650, Selangor Darul Ehsan

Pemegang Pendaftaran Produk

Duopharma Marketing Sdn Bhd (27754-W)
Lot 2, 4, 6, 8 & 10, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650, Selangor Darul Ehsan

Tarikh kemaskini RIMUP
20/10/2020

Serial Number:
NPRA(R4/1)150519/00128